

4. Prosedur Pemerbadanan Syarikat Awam

Syarikat awam kebiasaannya mesti mempunyai perkataan 'Berhad' atau 'Bhd' sebagai sebahagian daripada nama syarikat. Contoh seperti Sime Darby Berhad dan Public Bank Berhad. Bilangan anggota syarikat awam mestilah sekurang-kurangnya **seorang** dan bilangan maksimum adalah tidak terhad.

Proses pemerbadanan syarikat awam adalah sama seperti syarikat persendirian di bawah Akta Syarikat 2016.

1. Permohonan carian nama

Mengemukakan cadangan nama syarikat kepada pihak SSM untuk memastikan nama syarikat yang dicadangkan tidak sama dengan nama syarikat yang telah berdaftar atau nama syarikat yang dikawal oleh SSM.

2. Permohonan pemerbadanan syarikat awam

Permohonan pemerbadanan syarikat menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran Sesebuah Syarikat (Seksyen 14) di bawah Akta Syarikat 2016. Maklumat yang perlu dilengkapkan adalah berikut:

- ▶ Nama syarikat yang dicadangkan.
- ▶ Status syarikat.
- ▶ Jenis perniagaan.
- ▶ Alamat pejabat berdaftar.
- ▶ Alamat pemegang saham.
- ▶ Maklumat pemegang saham.
- ▶ Maklumat saham syarikat.
- ▶ Maklumat penyerahsmpian borang.

3. Pengeluaran Notis Pemerbadanan syarikat oleh SSM

AKTA SYARIKAT 2016
SEKSYEN 15
NOTIS PENDAFTARAN
NO. PENDAFTARAN : 1250033-T
TARIKH : 06-Oct-2017 11:23 AM
JENIS SYARIKAT : Berhad Menurut Saham

Dimaklumkan bahawa **SOLUTION EYE LABORATORY SDN. BHD.** telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan syarikat ini adalah sebuah syarikat sendirian.

Pendaftar Syarikat

NOTA: INI ADALAH MESEJ YANG DIJANAKAN SECARA AUTOMATIK. MOHON TIDAK MEMBERIKAN MAKLUMBALAS KEPADA MESEJ INI.

Rajah 6.4 Proses pemerbadanan syarikat awam.